LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Rujukan Fail: LLM.500-3/1/1 (48)

## 1) PENOLONG JURUTERA (AWAM) GRED JA5 TETAP/KONTRAK

1. (a) Jawatan : Penolong Jurutera (Awam) Gred JA5

   (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

   (c) Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana

   (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan

2. Jadual Gaji Minimum - Maksimum: RM 1,650.00 – RM 6,620.00

3. Syarat Lantikan :

   Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   a) Warganegara Malaysia;

   b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   c) Sijil Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

      (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau

   d) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

      (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM 2,055.00); dan

   e) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab mengendalikan perancangan dan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan awam iaitu membantu menyediakan isi kandungan perjanjian konsesi dan teknikal apendiks lebuh raya baharu, menyediakan laporan *outcome* lebuh raya yang telah beroperasi, mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, memantau tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga serta tender, membantu mengemaskini data ke dalam Sistem Pengurusan Aset Lebuhraya, membantu memproses permohonan Pembangunan Tepi Lebuhraya (PTL) serta menjalankan tugas-tugas lain yang berkaitan.

## 2) PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) (GRED N1) TETAP/KONTRAK

1. (a) Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (Gred N1)

   (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

   (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

   (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan

2. Jadual Gaji : RM 1,500.00 – RM 4,680.00

3. Syarat Lantikan :

   Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) Warganegara Malaysia;

   (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau

(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau

iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00); dan

(d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan dan statistik.

**CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara *on-line* melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat https://e-rekrut.llm.gov.my mulai **23 Julai 2025 (Rabu)** hingga **5 Ogos 2025 (Selasa)**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **6 Ogos 2025 (Rabu)**

**PERMOHONAN DITOLAK**

Permohonan akan ditolak sekiranya:

i) Tidak lengkap;
ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
iii) Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan.

**CATATAN AM**

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.